

SELEPAS berkecimpung di dalam arus perdana politik negara sejak 1974 selama 29 tahun, termasuklah sebagai Menteri Pendidikan (dua tahun), Timbalan Perdana Menteri (lima tahun) dan Perdana Menteri (22 tahun), Tun Dr. Mahathir Mohamad akhirnya melepaskan kesemua jawatan awam dan parti pada 31 Oktober 2003. Dengan itu berakhirlah satu era kepimpinan yang relatifnya lama. Malaysia kini dipimpin oleh Perdana Menteri yang kelima, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Di rantau Asia Tenggara pula, selepas persaraan Lee Kuan Yew, diikuti dengan kejatuhan Presiden Suharto dan penggulingan Presiden Marcos serta pengunduran Dr. Mahathir, rantau itu kini mula diwarisi oleh kepimpinan generasi ketiga.

Hampir kesemua negara di rantau ini memerlukan kestabilan politik untuk memastikan pembangunan negara, termasuklah Malaysia. Pertukaran kepimpinan perlu licin. Ini turut dinyatakan oleh Dr. Mahathir bahawa negara berada di dalam kedudukan yang kukuh sehingga membolehkan beliau meninggalkan dunia politik. Dr. Mahathir sering menyatakan bahawa niat sebenar beliau untuk bersara ialah pada tahun 1998. Jika tidak kerana kegawatan ekonomi yang melanda rantau ini, Dr. Mahathir sudah pun mengundurkan diri lima tahun lalu.

Kestabilan politik perlu untuk memastikan legitimasi sesuatu kepimpinan tidak dipertikaikan. Kemunculan beberapa pemimpin generasi baru seperti Habibie, Joseph Estrada, Gus Dur dan Chuan Leepai tidak bertahan lama kerana legitimasi politik mereka dipertikaikan sehingga mencabar autoriti moral dan kewibawaan mereka. Ini dikait rapat dengan ketidakstabilan politik domestik negara-negara Indonesia, Filipina dan Thailand yang turut menjejaskan taraf hidup rakyat.

Di Malaysia, walaupun pemimpin nombor dua Dr. Mahathir telah bertukar tangan sebanyak tiga kali, ia tidak menjejaskan kestabilan politik negara. Abdullah Badawi dianggap bertuah kerana Dr. Mahathir dapat memastikan bahawa beliau benar-benar layak memikul tanggungjawab tersebut. Abdullah ialah Timbalan Perdana Menteri keempat Dr. Mahathir selepas Musa Hitam, Ghafar Baba dan Anwar Ibrahim.

Dengan Abdullah kini menjadi Per-

Fokus Kepimpinan Pak Lah

MASSA 8-14-11-2003

Untuk menjadi Perdana Menteri yang efektif, Abdullah perlu memberikan tumpuan kepada beberapa isu strategik bagi mengekalkan legitimasi moral dan politik

dana Menteri, bagaimanakah beliau dapat mengembangkan populariti untuk dilihat bukan semata-mata sebagai pemimpin transisi yang bakal melepaskan baton tersebut kepada pemimpin yang lebih berkarisma. Apakah bentuk penyesuaian yang harus dilakukan oleh beliau walaupun beliau telah berjanji untuk meneruskan dasar-dasar peninggalan Dr. Mahathir?

Tumpuan beliau wajar diberikan ke atas beberapa isu iaitu:

Perpaduan, Kesetiaan Kepada Parti UMNO: Melihat kepada fenomena semasa, Abdullah perlu memastikan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi ditunjukkan kepada parti UMNO. Perpaduan di dalam parti penting untuk memas-

tikan 'pemulihan semula' dapat dilakukan menjelang pilihan raya ke-11 selepas kemerosotan undi yang secara relatifnya teruk dalam pilihan raya tahun 1999. Merapatkan barisan ini penting kerana beliau akan berhadapan dengan barisan penyokong pemimpin tertentu daripada kem-kem dalam parti yang mahu melonjakkan pemimpin masing-masing. Bukan kesemua penyokong dapat berpuas hati dengan keputusan-keputusan yang akan diambil oleh beliau termasuklah pemilihan seorang Timbalan Perdana Menteri. Jika calon A terpilih, bagaimanakah beliau dapat memastikan penyokong calon B dan C yang kecewa tidak terkeluar daripada landasan parti atau matlamat parti yang sering berpegang kepada keteguhan parti melalui perpaduan di dalam parti.